



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

IBADAH DIHAYATI, KEAMANAN DINIKMATI

Tarikh Dibaca:

**20 RAMADAN 1446H /
21 MAC 2025**

**Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَمِيعَ حَمْلَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

IBADAH DIHAYATI, KEAMANAN DINIKMATI

21 MAC 2025 / 20 RAMADAN 1446H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ :

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ۝ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ۝ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ۝ تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ۝ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجَرِ ۝ الْقَدْرُ : - ۱ -
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللّٰهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Suka untuk saya mengingatkan saudara-saudara sekalian agar tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan berhentilah dahulu dari bermain telefon bimbit. Dengar dengan tekun khutbah ini. Mudah-mudahan ia membawa banyak pengajaran kepada kita semua. Pada hari ini saya akan menyampaikan khutbah bertajuk: “Ibadah Dihayati, Keamanan Dinikmati”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Diam tak diam, kita kini telah berada di 10 terakhir Ramadan. Masa-masa yang dijanjikan memiliki keistimewaan yang tidak terperinci nilainya. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Qadr yang saya bacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar, Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu? Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada Malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); Sejahteralah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!”.

Alhamdulillah, saya menyeru saudara-saudara sekalian untuk memanjatkan rasa syukur kerana kita masih lagi diberi peluang untuk menjalani dan menghayati ibadah-ibadah dalam Bulan Ramadan. Maka, peluang yang ada ini janganlah kita sia-siakan sementelah kita kini berada pada fasa terakhir Ramadan yang sangat besar keistimewaannya. Perbanyakkan amalan baik seperti solat sunat tarawih, mendengar tazkirah, berzikir, membaca al-Quran, beriktikaf serta qiamullail dan meninggalkan perkara yang mungkar. Inilah yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah SAW sebagaimana diceritakan oleh Saidatina A'isyah *radhiyallahu hanha* melalui sebuah hadis:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرَ شَدِّ مُتَرْزِهُ، وَأَحْيَا لِيلَهُ، وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ

Maksudnya: “Apabila masuk sepuluh malam terakhir (Ramadan), Nabi SAW akan menghidupkan malam, mengejutkan ahli keluarganya (untuk beribadah), dan mengetatkan ikatan kainnya (bersungguh-sungguh dalam ibadah)”. (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim**)

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam fasa terakhir Ramadan ini juga, kebiasaan kita sudah mula sibuk melakukan persiapan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri. Suka untuk saya mengingatkan saudara-saudara sekalian, agar kesibukan itu tidak melekakan kita untuk terus melakukan amal ibadah dalam tempoh yang sangat berharga ini. Saya juga ingin mengingatkan kepada semua umat Islam agar berbelanja mengikut kadar kemampuan masing-masing. Usah

berlebihan dan berbelanja melebihi kemampuan bahkan ada yang sanggup berhutang demi menjadi yang paling bergaya pada hari raya nanti.

Bukankah Ramadan merupakan medan kita melatih hawa nafsu? Justeru, mengapa kita berlebih-lebihan menuruti hawa nafsu berbelanja sehingga melebihi kemampuan sedia ada?

Allah SWT mengingatkan kita tentang sikap boros melalui firman-Nya dalam Surah al-Isra' ayat 26 - 27:

﴿وَءَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَدِّرْ تَبَذِّيرًا ﴾٢٦
﴿الشَّيَاطِينُ وَكَانَ الشَّيَاطِينُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴾٢٧

Maksudnya: “Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhanmu”.

Tahukah saudara-saudara sekalian, bahawa seramai 53,000 individu berumur bawah 30 tahun didapati dibebani hutang terkumpul berjumlah RM1.9 bilion, sebagaimana dilaporkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).¹ Tambahan pula, sekarang, dengan adanya kaedah “beli dahulu, bayar kemudian” menyebabkan lebih ramai yang terperangkap dalam lembah hutang. Maka, berbelanjalah dengan berhemah dan mengikut kemampuan. Jangan terlalu mengikut keinginan dan hawa nafsu sehingga membebani diri di kemudian hari.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Umat Islam di negara ini perlu bersyukur apabila dapat menuaikan ibadah dalam keadaan aman dan tenteram. Suasana yang dinikmati ini ialah hasil kerjasama semua pihak serta tanggungjawab yang diamanahkan kepada pasukan keselamatan negara seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan beberapa lagi pasukan keselamatan lain.

¹ <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/akpk-lapor-53000-individu-bawah-30-tanggung-hutang-terkumpul-rm19-bilion-489958>?

Tugas dan tanggungjawab pasukan keselamatan ini bukanlah mudah. Apatah lagi ancaman jenayah saban hari semakin mencabar. Oleh itu, bersempena sambutan peringatan Hari Polis Ke-218 pada 25 Mac 2025, marilah sama-sama kita menghargai jasa dan pengorbanan anggota polis yang telah menjaga keselamatan negara kita. Pekerjaan sebagai anggota polis merupakan pekerjaan yang mulia serta penting dalam memelihara keamanan dan keselamatan awam agar keamanan negara kekal terpelihara.

Ia juga satu bahagian penting dalam konsep Maqasid Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ia juga salah satu daripada 6 nilai teras Malaysia Madani iaitu kesejahteraan, yang menjadi salah satu aspek penting yang perlu diberi keutamaan di peringkat individu dan masyarakat.

Justeru, marilah sama-sama kita mendoakan agar anggota Polis Diraja Malaysia dan agensi keselamatan yang lain dilindungi dan dirahmati Allah SWT. Kita sebagai ahli masyarakat hendaklah saling bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dan bertanggungjawab menjaga keselamatan, keamanan serta kesejahteraan negara yang tercinta ini.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita melihat kepada beberapa intipati penting untuk perhatian bersama;

Pertama: Manfaatkan peluang berada pada fasa terakhir Ramadan dengan bersungguh-sungguh menggandakan amalan sepetimana teladan yang ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW.

Kedua: Usah terleka dengan persiapan menyambut Aidilfitri sehingga kita melepaskan detik-detik penting yang berharga iaitu malam *al-qadr* yang lebih baik dari seribu bulan.

Ketiga: Keamanan yang kita nikmati ketika ini perlu dipertahankan oleh segenap lapisan masyarakat.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah ad-Dukhaan ayat 3 - 5:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُّبَرَّكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴾٢٦﴿فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٌ﴾ ۚ أَمْرًا مِّنْ عِنْدِنَا ۖ إِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ۚ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab). (Kami menurunkan Al-Quran pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar). Iaitu perkara-perkara yang terbitnya dari hikmah kebijaksanaan Kami; sesungguhnya telah menjadi adat Kami mengutus Rasul”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيدَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّكُمْ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: ﴿إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَتَآلِيهَا الْذِينَ ءاْمَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللّٰهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مِنْهَا
مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا يُعَثِّرْ دَفْرَتُوانَ اكْنُوَغْ سُلْطَانَ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا راجِ فِرْمَا يُسُورِيِّ اكْنُوَغْ، راجِ
زَارِيَّتْ صُوفِيَّاهُ.

اللّٰهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوزَرَاءَهُ وَقُضاَتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْزِزِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلَى كَمْتَكَ إِلَيْ يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaiklah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَ وَإِيتَاهُ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُلُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.